

**Ikut fatwa bila hukum tiada nas jelas, kata Jamil Khir**  
**The Malaysian Insider**  
**April 21, 2015**

Umat Islam perlu berpegang kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JFK) berhubung hukum yang tidak mempunyai nas yang jelas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata setiap keputusan yang dibuat pada peringkat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan merupakan pendirian dan pegangan kerajaan.

"Kita memamahi di luar sana banyak suara-suara bagi pandangan. Ambil contoh mudah pasal GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan) ramai bagi pandangan tentang hukum.

"Tetapi hukum muktamad yang dipegang dalam keadaan tidak ada nas pasti (atau) jelas maka ia berdasarkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa (Kebangsaan) dilantik kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sesi penggulungan perbahasan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong bagi kementeriannya di Dewan Negara di Kuala Lumpur, hari ini.

Semalam JFK Sekali lagi menegaskan pelaksanaan GST adalah harus selagi terdapat keperluan dan masalah untuk negara dan rakyat.

Pengerusinya Prof Emeritus Tan Sri Abd Shukor Husin berkata pelaksanaan sistem cukai baharu itu bagaimanapun perlu berpandukan kepada enam parameter syarak yang digariskan jawatankuasa berkenaan.

Usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong itu kemudian diluluskan.

Persidangan dewan bersambung esok. – Bernama, 21 April, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ikut-fatwa-bila-hukum-tiada-nas-jelas-kata-jamil-khir>